

Nur Ain bantu UPM belasah KUDQ

NUR AIN OMAR tampil cemerlang untuk membantu pasukannya, Universiti Putra Malaysia (UPM) membelasah Kolej Universiti Darul Quran (KUDQ) 73-8 pada saingan hari kedua Liga Bola Jaring Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Zon Tengah Selatan yang berlangsung di gelanggang bola jaring UPM di Serdang semalam.

Kehebatan Nur Ain nyata sukar dikekang pertahanan lawan apabila menghasilkan 69 mata buat UPM yang tampil dalam kelas tersendiri pada perlawanan tersebut.

Pada saingan suku pertama, dia menyumbangkan 15 mata buat pasukannya diikuti 18 mata pada suku berikutnya.

Aksi pada suku keempat dianggap sebagai persembahan terbaik pemain tuan rumah itu apabila 24 mata manakala baki mata UPM di-

sumbang Siti Nur Shahidah Silahuddin (3) dan Siti Nurkhadijah Najib (1).

Taylor's University (Taylors) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) yang kini bersaing untuk memburu tempat kedua kejohanan tersebut, turut mencatat kemenangan ke atas lawan masing-masing semalam.

Taylors mencatat kemenangan ke atas Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 29-24 sementara UiTM menang besar 46-8 ke atas UniKL.

Pertemuan antara UiTM dan UPM hari ini pasti menarik kerana ia akan menjadi penentu kedudukan naib juara liga yang kini menjadi rebutan UiTM dan Taylors.

UPM selaku tuan rumah saingan zon tengah selatan ini sudah pasti bergelar juara kerana masih mengekalkan rekod tanpa kalah setakat ini.